

**PERUTUSAN**  
**YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**  
**SEMPENA HARI ANTARABANGSA WARGA EMAS 2023**

---

1. Alhamdulillah, kedatangan 1 Oktober tahun ini menandakan **Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas (International Day of Older Persons)** kali ke-33 di Negara Brunei Darussalam bersama Negara-Negara Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan tema “**Memenuhi Janji Deklarasi Hak Asasi Manusia Untuk Warga Emas: Merentas Generasi**” ataupun “*Fulfilling the Promises of the Universal Declaration of Human Rights for Older Persons: Across Generations*”.
2. Fokus tema tahun ini adalah mengutamakan tanggungjawab sosial dalam memastikan penjagaan kesihatan dan kebajikan warga emas. Ini adalah untuk memastikan warga emas kita akan sentiasa dipeduli dan tidak tercicir dari sokongan jaminan sosial melalui penyediaan pelbagai perkhidmatan warga emas yang menyeluruh, holistik dan secara senegara.
3. Warga emas merupakan aset yang sungguh bernilai kepada negara kerana golongan ini memiliki ilmu, pengetahuan dan kepakaran yang berharga. Tidak dinafikan bahawa kesejahteraan hidup dan pembangunan yang kita nikmati pada masa ini adalah juga dari hasil titik peluh generasi terdahulu yang kini menjadi warga emas. Oleh itu, semua warga emas wajar dihormati, dihargai, diberi perhatian, serta hak dan keperluan mereka perlu dijaga demi memastikan kelangsungan kualiti kehidupan mereka yang lebih bermakna.
4. Tidak dinafikan kadar penuaan di Negara Brunei Darussalam semakin meningkat dan semua peringkat masyarakat harus memahami peranan untuk menghadapi senario negara tua bermula dari sekarang. Oleh yang demikian, dalam persiapan negara kearah menghadapi fenomena **Penuaan Penduduk** ataupun “*Population Ageing*”, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan langkah-langkah strategik dengan mengutamakan hal ehwal kebajikan, kesejahteraan dan kepentingan warga emas.
5. Alhamdulillah, **Pelan Tindakan Warga Emas** bagi tahun 2023-2027 di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) telah selesai direbiu melalui kerjasama sepadu antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pelan Tindakan Warga Emas ini adalah bukti manifestasi komitmen Kerajaan dalam memfokuskan kearah strategi **Penuaan yang Berjaya (Successful Ageing)** secara menyeluruh, mengambil kira aspek perundangan, penjagaan jangka masa panjang warga emas, bandar mesra usia serta program-program pemerkasaan dan pembangunan warga emas secara inklusif.

6. Negara Brunei Darussalam juga turut berbangga kerana Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong telah tersenarai dalam **Pangkalan Data Global Amalan Mesra Umur** serta mendapat pengiktirafan daripada **Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)** sebagai salah sebuah pusat dan negara yang melaksanakan "**Amalan Mesra Umur**" ataupun "**Age-Friendly Practices**". Pusat ini merangka program dan aktiviti bercorak keugamaan, sosial dan pembangunan yang membolehkan warga emas meningkatkan kualiti hidup yang produktif dan berdikari. Pencapaian ini adalah atas usaha ahli-ahli Pusat ini sendiri dan dengan sokongan serta kerjasama strategik pelbagai agensi, telah berjaya menaikkan nama warga emas di Negara Brunei Darussalam di persada antarabangsa dalam mendokong serta mempromosi pembangunan warga emas.
7. Pada bulan ini Negara Brunei Darussalam, melalui Persatuan Demensia Brunei dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, akan menjadi tuan rumah bagi *Alzheimer Disease International Asia-Pacific Regional Conference* buat pertama kalinya. Ini akan mendukung usaha untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti kehidupan golongan warga emas secara lebih holistik.
8. Menurut perangkaan (setakat September 2023), sejumlah **41,748 orang** warga emas pada masa ini **menerima Pencen Umur Tua**, dan dari jumlah ini **654 orang** warga emas juga **menerima dua faedah iaitu menerima Pencen Umur Tua di samping Elaun Kurang Upaya**.
9. Dalam memastikan tiada ketirisan di kalangan masyarakat yang memerlukan bantuan termasuk warga emas yang kurang bernasib baik, khususnya warga emas yang berkeadaan uzur (*bed ridden*) menurut garis panduan yang ditetapkan, **bantuan barang atau in-kind seperti lampin pakai buang dan susu** terus diungkayahkan secara langsung kepada **130 orang** penerima setiap bulan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat. Penyerahan bantuan ini dihantar ke kediaman mereka masing-masing setiap bulan secara serentak di keempat-empat daerah untuk juga terus memantau keadaan kehidupan warga emas dan seterusnya menangani keperluan mereka bersama ahli keluarga. Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah juga turut menyumbangkan bantuan barang kepada lebih 70 warga emas.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama rakan-rakan strategik dan para sukarelawan akan terus memastikan bantuan dan keperluan-keperluan akan terus disalurkan untuk memastikan kualiti kehidupan warga emas terus terjamin. Disini saya ingin mengambil kesempatan untuk menyeru kepada pihak swasta, pertubuhan bukan Kerajaan, masyarakat, badan-badan sukarelawan, belia dan individu-individu supaya akan dapat tampil kehadapan dan terus memberikan sumbangan khidmat masyarakat dan kepakaran serta menjalankan aktiviti secara bersama kepada komuniti warga emas di negara ini.

11. Bersempena Hari Antarabangsa Warga Emas (Hawe) tahun 2023, marilah kita sama-sama memperkuuhkan semangat dan tekad sebagai satu negara untuk mencapai kualiti hidup tinggi bagi golongan warga emas, khususnya dalam merancang dan melaksanakan inisiatif dalam bidang-bidang berkepentingan termasuk sektor sosial, ekonomi dan budaya demi manfaat golongan warga emas yang sangat wajar untuk dijaga, dipeduli dan diberikan penghormatan. Ke arah itu, sama-sama lah kita berganding bahu dan berusaha dalam menghargai pengorbanan dan sumbangan permata negara ini. Setentunya, warga emas adalah tidak terbanding nilainya dalam memastikan kesejahteraan keluarga, yang akan menyumbang ke arah peningkatan sosial, kemajuan ekonomi, kemakmuran negara, dan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.
12. Dengan segala kerendahan hati, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala jasa dan pengorbanan yang telah disumbangkan oleh setiap warga emas di negara ini demi raja, negara, masyarakat, agama dan bangsa untuk kebaikan generasi kini dan yang akan datang. Marilah sama-sama kita doakan semoga warga emas di Negara ini akan sentiasa berjaya dan dikurniakan kesihatan dan kekuatan selalu, InsyaAllah. Akhirnya, kepada seluruh warga emas di Negara Brunei Darussalam, Selamat Hari Antarabangsa Warga Emas.

**Warga Emas Tonggak Pembangunan Negara.**